

Hentikan praktik tarian Panama

SEREMBAN - "Mana yang sudah terbuat, hentikanlah. Jangan melarat sampai jadi ikutan jabatan lain," demikian nasihat Mufti Negeri Sembilan, Datuk Mohd Yusof Ahmad membabitkan isu tarian Panama atau Panama dance yang menjadi kegilaan ramai.

Sekiranya dibiarkan, kata beliau, dikhuatiri menjadi alasan bagi golongan muda untuk terus mempraktikkannya walaupun hukumnya haram kerana membabitkan percampuran lelaki dan perempuan bukan mahram.

Menurutnya lagi, ini ditambah dengan tindakan menyangkan susuk tubuh wanita kepada khalayak umum melalui rakaman persembahan yang dikongsi di media sosial.

"Seolah-olah kita mengajar generasi muda dengan benda yang tidak betul. Sebab anak-anak kita sekarang mudah saja terikut-ikut bila orang dewasa pun buat macam itu.

"Nanti mereka akan



Mana yang sudah terbuat, hentikanlah. Jangan melarat sampai jadi ikutan jabatan lain." - Mohd Yusof

fikir, benda itu okeylah memandangkan jabatan kerajaan pun buat. Padahal perkara itu sebenarnya langsung tidak baik," katanya.

Sepatutnya sebelum melakukan sesuatu, kata beliau, sekurang-kurangnya buat rujukan terlebih dahulu pada mereka yang mahir dalam bidang agama.

"Mufti kita saja, ada 14 orang. Itu belum ambil kira yang berada di pelbagai agensi berkaitan hal agama. Alim ulama tempatan pun ramai.

"Kena ingat, kita yang tua ini ibarat ayah dengan anak. Kata orang kalau ayah kencing berdiri, anak pula kencing berlari.

"Kita kluatir generasi akan datang buat lebih dahsyat lagi. Puncanya salah kita

juga kerana generasi sekarang tidak mengajar benda yang betul," katanya.

Kata beliau, setiap tindak-tanduk seharusnya menepati kehendak agama memandangkan Malaysia diuar-uarkan sebagai negara Islam.

"Sedangkan budaya kita sendiri pun tidak ada macam itu. Bila terikut-ikut budaya lain, jadilah seperti digambarkan dalam hadis Rasulullah SAW.

"Disebutkan bahawa akan sampai satu masa di akhir zaman nanti, orang Islam akan ikut cara Yahudi dan Nasrani hatta masuk ke lubang biawak sekalipun," katanya.